



**JAWATAN KOSONG
SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

- | | | | |
|----|---------------------|---|------------------------|
| 1. | Jawatan Kosong | : | Pengurus Undang-Undang |
| 2. | Gred Gaji | : | Gred EX-3 |
| 3. | Taraf Jawatan | : | Tetap |
| 4. | Bilangan Kekosongan | : | Satu (1) |
| 5. | Penempatan | : | Bahagian Undang-Undang |

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

SYARAT LANTIKAN :

Pegawai SAMB adalah layak dipertimbangkan ke jawatan Pengurus Undang-Undang (Gred EX-3) dengan syarat sebagaimana berikut :

1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai Himpunan Purata Nilai Mata (CGPA 3.00 dan ke atas) yang cemerlang;
2. Lulus peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) atau lulus peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination);
3. Mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam bidang perundangan berkaitan litigasi, undang-undang korporat & undang-undang komersial.
4. Lulus kursus / latihan dan / atau ujian yang ditetapkan oleh Syarikat;
5. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
6. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
7. Sokongan oleh Penyelia.

BIDANG TUGAS UTAMA :

1. Bertanggungjawab menyelia Bahagian Undang-Undang, menguruskan pertikaian undang-undang, menguruskan pelantikan peguam, menghadiri prosiding mahkamah serta menyediakan laporan kepada pihak pengurusan berkaitan perjalanan Bahagian;
2. Bertanggungjawab memastikan kepentingan Syarikat dalam memberikan nasihat dan perkhidmatan perundangan dengan cekap & berkesan;
3. Bertanggungjawab serta menasihati pengurusan berkaitan dokumentasi undang-undang yang terpakai;
4. Bertanggungjawab dalam menyediakan serta semakan semua kontrak, perjanjian komersial korporat, MOU atau MOA serta apa-apa dokumentasi perundangan yang membawa kesan undang-undang ke atas perniagaan dan operasi Syarikat;
5. Bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang serta garis panduan yang berkuatkuasa termasuk mendapatkan pendapat undang-undang daripada peguam luar;

6. Bertanggungjawab mengendalikan pertikaian, litigasi dengan memberi bantuan dan komunikasi kepada peguam luar, serta mengetuai pemantauan dan pengurusan peguam;
7. Bertanggungjawab dalam perjalanan sesi siasatan dalaman, notis pertuduhan, menjalankan pendakwaan serta hal ehwal berkaitan pertikaian pekerjaan;
8. Bertanggungjawab memberi maklumat terkini kepada pihak Pengurusan Tertinggi mengenai kemajuan litigasi / penyelesaian pertikaian dari semasa ke semasa;

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 8 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)